

# jejak graduan

## Debat dunia kedua Mohd Zaini

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

**"K**eputusan menarik diri pada saat akhir sebagai calon fakulti dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), sebaliknya memilih untuk menyandang jawatan Pengerusi Kelab Debat, menjadi titik permulaan yang banyak membantu kerjaya saya sekarang."

Demikian pengakuan Penolong Pendaftar di Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohd Zaini Othman, mengimbu detik penting ketika bergelar mahasiswa di universiti sama.

Anak kelahiran Gerik, Perak itu berkata, bidang debat yang diceburi sejak zaman pelajar sekolah lagi umpama dunia keduanya dan memberikan banyak pendedahan berguna hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Beliau berkata, pengalaman itu dimanfaatkan dalam pelaksanaan tugas kini yang antara lain perlu memastikan pengurusan majlis utama dan rasmi USIM berjalan lancar serta mengikut panduan protokol persekutuan, negeri dan universiti, terutama apabila membabitkan tetamu kehormat kenamaan.

**Tambah kenalan strategik**  
Antara perkara diberi perhatian ialah atur cara majlis, teks pengacara dan ucapan, susun atur dewan, kesesuaian hiasan dan konsep majlis, susunan kedudukan mengikut kekenanan serta pilihan menu.

"Elemen protokol dan yang berkaitan untuk suatu majlis sama ada formal, semiformal mahupun santai, perlu berada dalam radar kawalan saya.

"Selain itu, saya berperanan sebagai penghubung antara universiti dengan pihak berkepentingan seperti istana, balai undang, kementerian dan pejabat menteri besar," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Melalui tugas di StraComm, Mohd Zaini juga berpeluang menambah kenalan strategik dari dalam dan luar negara, bertemu secara langsung dengan pelbagai pihak berprofil tinggi serta mendapat beberapa keistimewaan yang amat dihargai.



Mohd Zaini (tiga dari kanan) mengiringi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada majlis berkenaan.



Mohd Zaini menerima anugerah kecemerlangan daripada universiti.



Mohd Zaini (kanan) menerima anugerah kecemerlangan daripada universiti.



Mohd Zaini Othman

info

**Mohd Zaini Othman**  
Tarikh lahir: 3 Februari 1987  
Tempat lahir: Gerik, Perak  
Kedudukan dalam keluarga: Anak bongsu daripada lima beradik  
Hobi: Melukis dan membaca  
Kelulusan: Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan), USIM

**Pencapaian sebagai mahasiswa:**  
→ Johan Pertandingan Pidato Kemerdekaan Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) anjuran Kolej Universiti Islam Selangor (2008)  
→ Kedudukan lima pendebat terbaik keseluruhan Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT anjuran Institut Integriti Malaysia (2008)  
→ Naib johan Pertandingan Debat Kefahaman Islam Antara IPT anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (2008 dan 2009)  
→ Peserta peringkat akhir pemilihan wakil pemidato Malaysia ke Pertandingan Pidato Antara-bangsa Bahasa Melayu Antara IPT Piala Timbalan Perdana Menteri anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (kini Kementerian Pendidikan Tinggi) (2009)  
→ Penerima Anugerah Kecemerlangan Kepemimpinan, Majlis Anugerah Kualiti Fakulti Sains dan Teknologi USIM (2010)  
→ Penerima Anugerah Kecemerlangan Kepemimpinan Individu (Pencapaian), Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM (2009)  
→ Penerima Anugerah Perdana Emas (Kelab Debat), Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM (2008)  
→ Penerima Anugerah Kualiti USIM (Kategori Mahasiswa) (2008)  
→ Pengerusi Kelab Debat USIM (2007-2008)

**Pencapaian dalam perkhidmatan:**  
→ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang USIM (2012)  
→ Anugerah Terpuji USIM (2013)  
→ Pegawai Kehormat Kor SUKSI USIM (ASP/KS)  
→ Penasihat Kelab Debat USIM  
→ Mantan EXCO Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas USIM  
→ Tenaga pengajar kursus kokurikulum debat bahasa Melayu USIM

### Perak, Selangor juara bahas

Oleh Abdul Razak Razif

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 OLEH Y.B. DATO HAJI RASHDI BIN IYDIN, MENTERI PEGAWAI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kang Kanan: Lim dan Asma, Ah Man, Zaini

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 OLEH Y.B. DATO HAJI RASHDI BIN IYDIN, MENTERI PEGAWAI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Reratan akhbar yang memaparkan berita kemenangan Mohd Zaini dan rakan dalam pertandingan debat.**

Sebagai pentadbir universiti dan alumni, katanya, beliau secara automatik membawa kedua-dua 'jenama' itu kepada pelbagai pihak, justeru akan menjaga serta menonjolkan nama baik USIM dengan sebaik mungkin.

"Bidang kerjaya ini boleh dikatakan 'lari' daripada kelulusan dimiliki, iaitu

Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan), namun saya tetap menikmatinya setiap hari.

**Terhutang budi**  
"Saya mula bekerja sebagai pegawai di Pejabat Timbalan-timbalan Naib Canselor USIM lima tahun lalu sebelum menggalas tugas kini sejak tahun 2012.



Mohd Zaini (dua dari kiri) bersama-sama keluarga pada majlis konvokesyen.